

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 ( 25 )

Tarikh : 2 Oktober 2024

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 7/2024**

**PROSES PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH PROGRAM BIDANG PENILAIAN, PENTAKSIRAN DAN PENGURUSAN HARTA TANAH DI BAWAH LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR, EJEN HARTA TANAH DAN PENGURUS HARTA (LPEPH)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) antara Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPEPH) telah ditubuhkan secara rasmi. Untuk makluman, JTC ini akan memproses, meneliti permohonan dan memberi syor penilaian program bidang penilaian, pentaksiran dan pengurusan harta tanah untuk proses Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi program pengajian Tahap 4, 6, dan 7 (untuk bidang pengurusan harta sahaja) Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) seperti berikut:

Bil.	Komponen Kepakaran	Skop Penilaian Program
1.	Ejen Harta Tanah ( <i>Real Estate Agent</i> )	Tahap 4 dan 6
2.	Penilai/Pentaksir ( <i>Valuers</i> )	Tahap 6
3.	Pengurus Harta ( <i>Property Managers</i> )	Tahap 6 dan 7

3. Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679], Mesyuarat JTC antara MQA dengan LPEPH telah memutuskan supaya proses penilaian program di bawah bidang penilaian, pentaksiran dan pengurusan harta tanah yang sebelum ini dilaksanakan oleh MQA dipertanggungjawabkan kepada LPEPH berdasarkan ketetapan berikut:

- i) Penilaian Akreditasi Sementara seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 43 Akta 679 dan Akreditasi Penuh seperti yang diperuntukkan di

bawah subseksyen 50 (1) Akta 679 bagi program baharu di bawah penilaian LPEPH yang diterima daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) termasuk PPT berstatus Swaakreditasi akan bermula dari tarikh surat ini.

- ii) Bagi program yang telah mendapat Akreditasi Penuh MQA termasuk daripada PPT berstatus Swaakreditasi, PPT perlu mengemukakan permohonan untuk penilaian Akreditasi semula oleh LPEPH. Tempoh transisi penghantaran permohonan Akreditasi secara berperingkat yang dipersetujui adalah lima (5) tahun dari tarikh surat ini agar pihak PPT dapat membuat perancangan sewajarnya.

4. Carta Alir Proses Penilaian Akreditasi Sementara dan Proses Penilaian Akreditasi Penuh adalah seperti dalam **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

5. PPT adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan pembaharuan Akreditasi Penuh bagi program bidang penilaian, pentaksiran dan pengurusan harta tanah kepada MQA menggunakan borang, fi perkhidmatan MQA dan format dokumen penilaian seperti ketetapan dalam Surat Makluman MQA Bil 14/2022 Kaedah Baharu Penyerahan Dokumen Permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dengan nombor rujukan MQA.100-1/7/2Jld.5(17) bertarikh 7 Disember 2022. MQA akan mengemukakan permohonan PPT kepada pihak LPEPH bagi tujuan penilaian selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 38 (1) dan subseksyen 50 (1) dalam Akta 679.

6. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar urusan penilaian akreditasi bagi program bidang penilaian, pentaksiran dan pengurusan harta tanah dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**


s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi  
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**

7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 2, Bangunan Canseleri  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
**35900 TANJONG MALIM, PERAK**
8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
**11800 USM, PULAU PINANG**
9. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Institusi Pengajian Siswazah (IPSiS)  
Tingkat 4, Bangunan Sarjana  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
10. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pendaftar International Medical University (IMU)  
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19  
Bukit Jalil  
**57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
11. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**
12. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**


13. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
  
14. Presiden  
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)  
1<sup>st</sup>-3<sup>rd</sup> Floor  
85, Jalan Gaya  
**88000 KOTA KINABALU, SABAH**
  
15. Presiden  
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)  
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of  
Advance Technology Sarawak  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING, SARAWAK**
  
16. Pendaftar  
Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (LPEPH)  
A-19-13A, Level 19, Tower A, Menara UOA Bangsar  
No. 5 Jalan Bangsar Utama 1  
Bangsar  
**59000 KUALA LUMPUR**
  
17. Presiden  
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance  
Network (MyQAN)  
UCSI University  
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading  
Taman Connaught, Cheras  
**56000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA



PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
JTB	Jawatankuasa Teknikal Bersama
LPEPH	Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta
APP	Ahli Panel Penilai
MJS	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan
MJA	Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN AKREDITASI PENUH**



PPT Pemberi Pendidikan Tinggi  
 JTB Jawatankuasa Teknikal Bersama  
 LPEPH Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta  
 APP Ahli Panel Penilai  
 MJS Mesyuarat Jawatankuasa Semakan  
 MJA Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi